

Harga RON95 masih kekal

Kerajaan perlu kajian teliti sebelum beri subsidi

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi jaminan harga siling RON95 dikekalkan buat masa ini bila pun jangkaan akan berlaku kenaikan harga minyak dunia.

Ia susulan serangan terhadap loji minyak Aramco di Arab Saudi yang dijangka memberi kesan kepada harga minyak dunia, termasuk Malaysia.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kerajaan tidak boleh membuat keputusan terburu-buru berhubung penetapan harga minyak.

Katanya, penelitian dan kiraan kos subsidi perlu dinilai terlebih dulu sebelum satu keputusan dimuktamadkan.

"Buat masa ini, ya (harga RON95 masih kekal). Tetapi kita akan lihat perkara yang lain.

"Pertimbangan harus dibuat berdasarkan asas lebih kukuh untuk satu jangka masa yang panjang, bukan dari reaksi spontan saja. Saya rasa ia bukan perkara yang munasabah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas sesi taklimat Program Pengakuan Secara Sukarela anjuran Lembaga



Guan Eng menghadiri sesi taklimat Program Pengakuan Secara Sukarela anjuran LHDN di Petaling Jaya, semalam. (Foto Syarafiq Abd Samad/BH)

Hasil Dalam Negeri (LHDN) di Petaling Jaya, semalam.

Kelmanir, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, memaklumkan kerajaan memberi subsidi untuk mengimbangi kenaikan harga bahan api dan berpendapat serangan terhadap loji minyak Aramco dijangka memberi kesan kepada harga minyak di Malaysia.

Media sebelum ini melaporkan lebih separuh pengeluaran minyak Arab Saudi terjejas dengan anggaran kerugian 5.7 juta ton sehari susulan serangan dilakukan pemberontak Houthi Yaman, di Abqaiq dan Khurais.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata serangan itu sudah pasti

memberi kesan kepada perolehan PETRONAS.

"Tentu sekali untuk Petronas. Jika kita lihat pungutan, ia akan naik tetapi untuk negara dan pengguna biasa, ia akan ada kesan dari segi subsidi yang kita dibayar. Tentulah ia akan naik."

"Kita kena kaji lebih dalam sama ada ini akan berlariutan secara panjang. Kita buat keputusan (pemberian subsidi RON95) secara terancang dan terperinci," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya pada program itu, Guan Eng mengulangi jaminannya bahawa tiada cukai baru akan diperkenalkan kerajaan dalam pembentangan Belanjawan 2020 yang

dijadual dibentang bulan depan.

Beliau berkata, kutipan cukai juga meningkat sebanyak 8.94 peratus sehingga 31 Ogos ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Ekonomi Malaysia dijangka berkembang secara lestari pada suku ketiga tahun ini selepas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang dengan kukuh pada kadar 4.9 peratus dalam suku kedua tahun ini."

"Malaysia juga menerima faedah hasil pelaburan asing selepas ia meningkat 97.2 peratus kepada RM49.5 bilion untuk suku pertama tahun ini berbanding RM25.1 bilion pada tahun lalu," katanya.